

02/06/2015 - Majlis Perasmian Program Diploma Pascasiswazah Pengurusan Awam (DPA)

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia.

Terima kasih Saudara / Saudari Pengacara Majlis,

YBhg. Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal,

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Malaysia

Yang Berbahagia Ketua-Ketua Setiausaha Kementerian, Ketua-Ketua Jabatan Persekutuan,

YBhg. Dato' Jalil bin Marzuki,

Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (Pembangunan)

YBrs. Dr. Haji Ahmad Jailani Muhamed Yunus,

Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (Operasi)

YBhg. Dato' Dr. Mazlan Yusoff,

Pengarah INTAN,

Pegawai-pegawai Kanan JPA dan INTAN,

Wakil agensi-agensi Kerajaan yang terlibat dengan pelaksanaan modul bagi Program Diploma Pascasiswazah Pengurusan Awam (DPA) Tahun 2015, dan seterusnya,

Saudara dan Saudari, para peserta Program Diploma Pascasiswazah Pengurusan Awam (DPA) Tahun 2015 yang dihormati sekalian.

PENDAHULUAN

1. Terlebih dahulu, marilah kita bersama-sama memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana di atas limpah kurnia dan izinNya jua, dapat kita berhimpun di Majlis

Perasmian Program Diploma Pascasiswazah Pengurusan Awam (DPA) Tahun 2015 pada hari ini.

2. Saya percaya tanggal 24 Mei 2015 merupakan tarikh bersejarah buat saudara dan saudari sekalian kerana telah terpilih untuk mengikuti Program DPA bagi tempoh selama 10 bulan iaitu sehingga 1 April 2016. Saya juga telah difahamkan, seramai **306 peserta** yang terlibat dalam Program DPA ini, akan menjalani pelbagai proses pembelajaran dan pengajaran melalui modul-modul yang disediakan.

PENJENAMAAN DAN PENGIKTIRAFAN PROGRAM DPA

Saudara dan Saudari yang saya hormati sekalian,

3. Diploma Pengurusan Awam atau lebih dikenali sebagai DPA merupakan kursus mandatori yang telah diperkenalkan sejak tahun 1976 sehingga tahun 2012 lagi. Seajar dengan perubahan ekspektasi pihak berkepentingan (stakeholders) dan arus transformasi perkhidmatan awam, program ini telah mengalami **pelbagai fasa evolusi** dalam aspek perubahan modul, tempoh pelaksanaan dan pengendaliannya.
4. Pada 26 Mei 2013 pula, kursus kadet PTD telah diperkenalkan semula dan kursus ini mensyaratkan para peserta kadet untuk mengikuti Diploma Pengurusan Awam (DPA) selama 7 bulan di INTAN dan Diploma Pascasiswazah Pentadbiran Awam (DPPA) selama 5 bulan di Universiti Malaya (UM).
5. Pada kali ini, kursus Kadet PTD **telah dijenamakan semula** kepada Program Diploma Pascasiswazah Pengurusan Awam. Ini adalah selaras dengan usaha untuk **memberi nilai tambah** kepada kursus DPA yang diberikan taraf sebagai Post Graduate Diploma.
6. Mulai pada tahun ini juga, INTAN akan melaksanakan DPA dengan **memperoleh akreditasi dari Agensi Kelayakan Malaysia (MQA)**. Oleh itu, saudara dan saudari merupakan **kumpulan kadet yang pertama** untuk dianugerahkan sijil DPA dengan **mendapat pengiktirafan oleh MQA**. Syabas kepada INTAN dan semua pihak dalam menjayakan usaha sebegini.

MEMUPUK SEMANGAT INTEGRASI NASIONAL

Hadirin yang saya hormati sekalian,

7. Malaysia kini sudah berada di selekoh terakhir menjelang tahun 2020. Antara salah satu perkara yang perlu diberikan perhatian utama adalah mengukuhkan **semangat integrasi nasional** di antara rakyat kita selaras dengan prinsip Rukun Negara yang telah digariskan. Melalui semangat integrasi nasional, ia dapat membentuk persefahaman dan semangat persaudaraan sesama kita demi mencapai visi yang sama.
8. Menyedari kepentingan ini, saya telah menyarankan agar Modul Integrasi Nasional dapat dijalankan untuk peserta-peserta Kadet PTD dengan memberi penekanan khususnya kepada negeri di Sabah & Sarawak. Sehubungan dengan itu, mulai awal Ogos tahun ini, saudara dan saudari sekalian akan terlibat dengan **Modul Integrasi Nasional dan Pengukuhan Diri di negeri Sabah selama tempoh 4 bulan**. Adalah diharapkan, tempoh 4 bulan penempatan di negeri Sabah akan dapat mengukuhkan semangat integrasi nasional dalam kalangan PTD muda di dalam sektor perkhidmatan awam.

MENJAGA AKHLAK KEPERIBADIAN DIRI DAN MEMAHAMI DASAR DAN AGENDA TRANSFORMASI NEGARA

Saudara dan Saudari yang saya hormati sekalian,

9. Saya juga ingin mengingatkan agar saudara dan saudari sekalian dapat menjalani program ini dengan penuh bertanggungjawab, berdisiplin dan bertatasusila dalam mengelakkan kejadian dan perkara yang tidak diingini. Harus diperingatkan bahawa, **keperibadian dan keterampilan** saudara dan saudari **perlu dijaga** dengan sebaiknya walaupun di luar waktu kursus. Ini termasuklah **interaksi di media sosial**.

10. Selain itu, saudara dan saudari juga perlu terus **memahami dan menyokong dasar dan Agenda Transformasi Negara.** Pada 21 Mei yang lalu, YAB Dato' Seri Haji Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak, Perdana Menteri kita telah membentangkan RMK-11 yang akan dilaksanakan untuk tempoh tahun 2016 hingga 2020. Sebagai seorang peserta kadet PTD, adalah menjadi tanggungjawab saudara dan saudari sekalian dalam memahami intisari dan rasional pelan rancangan ini demi kesinambungan kemajuan negara di masa akan datang. Antara intisari yang harus dihayati adalah perbezaan diantara *Capital Economy* dan *People Economy* dimana *Capital Economy* merujuk kepada pertumbuhan ekonomi dan fizikal yang diukur menerusi pertumbuhan KDNK dan sebagainya. Pertumbuhan ekonomi negara perlu diterjemahkan kepada bentuk perkhidmatan atau faedah yang boleh dinikmati rakyat. Sebagai contoh, Urban Transformation Centre (UTC) dibawah Strategi Lautan Biru Kebangsaan merupakan satu bentuk perkhidmatan yang memudahkan rakyat. Ini merupakan salah satu contoh *People Economy*.

11. Sehubungan dengan itu, sebagaimana para penjawat awam yang lain, apabila ditempatkan di kementerian-kementerian atau agensi-agensi kerajaan selepas berjaya menghabiskan kursus di sini, saudara dan saudari semua perlu menggalas tanggungjawab dan memikul amanah untuk melaksanakan RMK-11 dengan jayanya demi kesejahteraan rakyat dan pembangunan negara.

12. Dasar-dasar dan isu-isu semasa lain, seperti pelaksanaan GST, konsep Merakyatkan Perkhidmatan Awam, National Blue Ocean Strategy (NBOS) dan juga gagasan 1Malaysia yang dibawakan oleh YAB Perdana Menteri perlu juga difahami dan diterima dengan sebaiknya. Ini adalah penting agar kita tidak mudah terpengaruh dengan fakta-fakta yang tidak tepat dan bercanggah daripada pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab.

PENUTUP

Saudara dan Saudari yang saya hormati sekalian,

13. Program DPA merupakan garis permulaan kepada perjalanan seseorang penjawat awam yang bergelar PTD. Hanya mereka yang benar-benar komited, berintegriti, berdisiplin

serta berdaya tahan akan mampu menjalani program ini dengan jayanya. Harus diingat, liku-liku perjalanan ini bukan semata-mata untuk mengejar pangkat mahupun harta tetapi demi menabur jasa dan bakti kepada ibu pertiwi.

14. Sebelum saya mengakhiri ucapan ini, saya ingin mengucapkan tahniah kepada INTAN dan rakan-rakan strategik INTAN iaitu pihak Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (BOMBA), Outward Bound School (OBS) Sabah, Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah, Setiausaha Persekutuan Sabah dan Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) yang berkerjasama erat dalam menjayakan program DPA kali ini. Saya percaya, kesemua agensi-agensi ini akan terus memberikan komitmen dan usahasama yang tinggi dalam menjayakan program DPA kali ini.

15. Akhir kata, dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan ini merasmikan Program Diploma Pascasiswazah Pengurusan Awam (DPA) Tahun 2015.

Sekian. Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih.

©2015 Copyright Reserved SMPKE, Prime Minister's Office

Source: <http://www.pmo.gov.my/ksn/home.php?frontpage/speech/detail/2015>